

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/08/2007

## Malaysia negara penyumbang basmi kemiskinan

UM - 8/8/2007

LANGKAWI 7 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, negara-negara peserta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 melihat Malaysia bukan sahaja sebagai negara contoh dalam usaha pembasmian kemiskinan tetapi juga sebagai negara penyumbang bagi usaha tersebut.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antara bantuan yang diharapkan oleh negara-negara Afrika ini adalah melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan sumbangan kepakaran secara khusus.

"Saya lihat negara-negara ini banyak melihat kepada Malaysia bukan sahaja dari segi pengalaman kita tetapi mereka juga mengharapkan Malaysia dapat menjadi negara penyumbang, sama ada melalui MTCP yang melatih lebih kurang 2,000 orang setiap tahun sehingga mencapai angka 15,000 orang bagi negara-negara sedang membangun.

"Ada yang minta pakar dari Malaysia secara khusus dan spesifik," katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Media Antarabangsa sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di sini hari ini.

LID 2007 yang berlangsung buat kali kelapan menyaksikan kira-kira 500 peserta dari 40 negara, kebanyakannya dari Afrika, mendalami isu *Pembasmian Kemiskinan melalui Pembangunan Modal Insan dan Pembinaan Keupayaan*.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang hadir bersama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah, telah merasmikan dialog itu kelmarin dan akan menutupnya malam ini di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Najib berkata, pemerhatiannya sepanjang dialog tiga hari itu mendapati, semangat para peserta dialog amat baik dan topik yang dipilih adalah tepat pada masa dan keperluan peserta.

"Penekanan kepada pembinaan keupayaan dan pembangunan modal insan adalah amat sesuai dijadikan teras utama dalam usaha menghapus kemiskinan," ujarnya.